



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
MALAYSIA



**KENYATAAN MEDIA**  
**JABATAN PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA**

**“INSIDEN LIMPAHAN AIR DI BANGUNAN UNIT PERUNDANGAN, BAHAGIAN  
PELESENAN KENDERAAN JPJ WPKL”**

**Putrajaya, 8 Mei 2024** – Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Malaysia ingin mengesahkan terdapat insiden limpahan air yang telah berlaku di pejabat Unit Perundangan, Bahagian Pelesenan Kenderaan, JPJ Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (Pintu 4) pada 7 Mei 2024 sekitar jam 2.10 petang seperti video dan gambar yang tular di media sosial.

Hasil pemeriksaan awal mendapati, insiden tersebut berlaku apabila terdapat limpahan air ke dalam bangunan melalui bumbung dan siling pejabat Unit Perundangan (Pintu 4) akibat hujan yang terlalu lebat di sekitar Kuala Lumpur. Tindakan awal juga telah diambil dengan mematikan suis elektrik di papan agihan bagi memastikan keselamatan anggota dan pelanggan JPJ.

Susulan daripada insiden tersebut, pihak JPJ juga telah bekerjasama dengan pihak Jabatan Kerja Raya Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JKR WPKL) untuk mengenal pasti punca kejadian dan akan melaksanakan kerja-kerja pembaikan dalam kadar segera demi keselamatan dan keselesaan pelanggan JPJ.

Jabatan ini juga ingin memaklumkan bahawa pengoperasian Unit Perdagangan (Pintu 4) telah dipindahkan ke Pintu 5 dan Pintu 2 buat sementara waktu bagi memastikan operasi unit tersebut tidak terganggu.

Jabatan ini memohon maaf atas kesulitan yang berlaku dan akan sentiasa berusaha dan komited memastikan infrastruktur pejabat JPJ berada pada tahap yang terbaik.

**JABATAN PENGANGKUTAN JALAN  
MALAYSIA  
8 MEI 2024**

**[TAMAT]**